

13 OCT 2000

Indonesia-FDI

M'SIA BOLEH JADI PEMANGKIN ISLAM, KATA SEBUAH BADAN SUKARELA INDON

JAKARTA, 13 Okt (Bernama) -- Sebuah badan sukarela Islam yang menamakan dirinya Fron Pembela Islam (FDI) yakin Malaysia yang berjaya dalam pengurusan ekonomi dan kemampuan teknologinya dapat menjadi pemangkin terhadap kebangkitan semula Islam di rantau ini.

Pemimpin utamanya Habib Rizieq Shihab berkata kebangkitan itu akan menjadi kenyataan dengan kekayaan yang dimiliki Brunei dan Indonesia yang mempunyai penduduk Islam terbesar di dunia.

"Jika ini dicapai, kita tak perlu bimbang dengan kekuatan negara-negara seperti Amerika Syarikat dan Eropah," katanya dalam pertemuan dengan wartawan Malaysia di sini.

FDI, yang dikenali tegas dalam menegakkan syariat Islam di republik ini ditubuhkan pada 17 Ogos 1998 dengan ribuan pengikut.

Nama FDI menjadi perhatian umum sejak penubuhannya dan terakhir apabila ia dan beberapa parti Islam bangkit dengan gerakan menentang kehadiran Israel dalam persidangan seminggu Kesatuan Antara-Parlimen (IPU) yang bermula di sini Ahad ini.

Delegasi Israel akhirnya membatalkan hasratnya untuk menyertai persidangan yang ke 104 itu.

Rizieq berkata Malaysia, Indonesia dan Brunei adalah rumpun Melayu beragama Islam yang mempunyai rekod baik di kalangan negara Islam lain.

Beliau berkata penyatuan Islam memang ditakuti oleh negara-negara Barat kerana ia pasti menggugat kekuatan mereka selama ini.

Ini terbukti apabila Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mencadangkan Perundingan Ekonomi Asia Tenggara (EAEC) Caucus) dan matawang Asean, kata beliau.

Katanya Barat amat khuatir kerana kekuatan Islam di Asia Tenggara akan menjejaskan ekonomi dan kepentingan politik mereka di rantau ini.

-- BERNAMA

OPP RON